

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : **DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**
[BATU PAHAT]

TARIKH : 19 JUN 2014

SOALAN:

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan status permohonan membuka kuari di Sungai Ayam, Batu Pahat kerana pembukaan kuari itu menjejaskan alam sekitar, sumber pendapatan rakyat setempat dan mengancam keselamatan pelajar-pelajar sekolah berdekatan

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuasa meluluskan pembukaan kuari terletak di bawah Pihak Berkuasa Negeri. Kementerian ini difahamkan bahawa permohonan membuka kuari di Sg. Ayam, Batu Pahat telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri Johor pada 18 Mac 2014. Permohonan tersebut adalah atas tapak milik persendirian (tanah berimilik) yang dipohon untuk ditukar syarat daripada pertanian kepada industri untuk perusahaan kuari.

Sekian, terima kasih.